MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG



PERMOHONAN UNTUK MENGISI
JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia** dan keutamaan kepada **rakyat** DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan yang memiliki keterampilan baik, semangat yang tinggi untuk bekerja secara berpasukan, bakat kepimpinan, ciri-ciri jati diri yang cemerlang dan kelayakan profesionalisme yang bersesuaian bagi mengisi jawatan kosong di Majlis Perbandaran Manjung.

JAWATAN : ARKITEK LANDSKAP GRED J9 / PEGAWAI TADBIR GRED N9

Jabatan / Penempatan	:	UNIT LANDSKAP
Bilangan Kekosongan	:	1 Kekosongan
Taraf Jawatan	:	Kontrak/Tetap
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pengurusan dan Profesional
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Kejuruteraan/Pentadbiran dan Sokongan

JADUAL GAJI : Gred J9/N9

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM2,250.00	RM11,110.00	RM225.00

SYARAT LANTIKAN

3.1. Calon bagi lantikan adalah :-

a) Rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan dengan kewarganegaraan Malaysia;

b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

c) Mempunyai kelayakan seperti berikut:

i. Ijazah Sarjana Muda Seni Bina Landskap yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **(Gaji permulaan ialah pada Gred J9: RM2,690.00); atau**

ii. Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **(Gaji permulaan ialah pada Gred N9: RM2,250.00); atau**

iii. Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **(Gaji permulaan ialah pada Gred N9: RM2,470.00); atau**

3.2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu :-
Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT KHAS PELANTIKAN BAGI GRED N9

Bagi tujuan pengambilan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N9, calon hendaklah memenuhi syarat-syarat tambahan berikut:

4.1. Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Arkitek Landskap adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik apabila telah disahkan dalam perkhidmatan;

4.2. Keutamaan akan diberikan kepada calon yang mempunyai pengalaman berkhidmat dengan Jabatan Landskap di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sekurang-kurangnya 10 tahun.

TARIKH TUTUP IKLAN
30 NOVEMBER 2026

SKOP DAN FUNGSI BIDANG TUGAS

Secara umum, deskripsi tugas bagi jawatan Arkitek Landskap adalah bertanggungjawab melaksanakan reka bentuk kerja-kerja pembangunan, penyelenggaraan, pengawasan projek, mereka bentuk pelan pembangunan, taman awam, landskap serta memberi 'input' kepada rancangan pelan pembangunan struktur, kertas-kertas mengenai garis panduan dan perancangan serta projek-projek yang dilaksanakan oleh Jabatan. Skop dan fungsi bidang tugas jawatan adalah seperti berikut:

5.1 Dasar dan Pengurusan Landskap

i. Aspek Penyediaan Dasar dan Pengurusan Korporat
ii. Aspek Penyelidikan dan Pemuliharaan Landskap
iii. Aspek Penilaian dan Penyelarasan Projek Landskap
iv. Aspek Pengurusan Landskap
v. Aspek Pengemaskinian Data dan Teknologi Maklumat Landskap
vi. Aspek Pembangunan Industri Landskap

5.2 Pembangunan Landskap

i. Aspek Pembangunan Taman Awam dan Rekreasi
ii. Aspek Pembangunan Landskap
iii. Aspek Khidmat Teknikal dan Nasihat Landskap
iv. Aspek Pengurusan Kontrak dan Projek Landskap

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah menggunakan aplikasi dalam talian (online) sahaja dengan melayari laman web Majlis Perbandaran Manjung di **www.mpm.gov.my** dan pemohon akan dihubungkan ke Laman Portal Perak Digital Negeri Perak di bawah Aplikasi Permohonan Jawatan Kosong di **https://digital.perak.my.**

CATATAN AM

(a) Pihak Majlis berhak menentukan asas-asas tapisan dalam menyenarai pendek calon-calon yang layak dipanggil untuk sesi ujian/temu duga.

(b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri ujian/temu duga adalah ditanggung oleh calon-calon sendiri.

(c) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat di agensi kerajaan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan dengan mengemukakan dokumen berikut semasa dipanggil untuk sesi ujian/temu duga:

(i) Satu salinan Ringkasan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini;
(ii) Laporan Nilaian Prestasi Tahunan terkini; dan
(iii) Surat Perakuan Ketua Jabatan sama ada beliau menyokong/tidak menyokong permohonan jawatan tersebut.